

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Peluang Kerjaya Dalam Jurutera Komunikasi

26. Mar 2008
Utusan Malaysia
Supplement
238082
833287

Language
Page No
Article Size
Frequency
Color

MALAY
28a
472 cm2
Daily
Full Color



Peluang kerjaya dalam jurutera komunikasi

Oleh MOHAMMAD YASIR JAAFAR

TIDAK dapat digambarkan betapa sukarnya kehidupan hari ini tanpa komunikasi. Pada dasarnya, komunikasi hari adalah satu kemestian yang perlu ada dalam memastikan kelancaran proses kehidupan.

Justeru itu, peredaran masa membuktikan kewujudan pelbagai medium dan cara baru komunikasi dapat dijalankan secara efektif.

Sebagai bukti, telefon bimbit, radio, Internet dan pelbagai cabang komunikasi lain ditambah baik dalam usaha menyediakan sistem perhubungan yang efektif bagi mempertingkatkan taraf hidup.

Sehubungan itu, kerjaya berkaitan bidang komunikasi sentiasa digerakkan dan memainkan peranan yang penting kepada kehidupan masyarakat hari ini.

Salah satu cabang kerjaya yang merupakan tunjang kepada bidang tersebut adalah para jurutera komunikasi.

Golongan tersebut bertanggungjawab dalam mempertingkatkan taraf perhubungan dengan mereka bentuk dan menyelaras sistem elektronik, perisian komputer, perkakas, pemprosesan isyarat serta teknik rangkaian.

Selaras dengan perkembangan ICT, jurutera sistem komputer dan komunikasi mempunyai masa depan yang amat cerah dalam membina kerjaya mereka dalam pelbagai bidang.

Antara bidang kerja yang boleh diceburi merangkumi bidang pendidikan dan latihan, bidang penyelidikan dan pembangunan, reka bentuk aplikasi sistem berasaskan komputer.

Sejajar dengan itu, beberapa institut pengajian tempatan tinggi di negara ini turut menawarkan program diploma dan ijazah (kepujian) dalam usaha melahirkan lebih ramai Jurutera Komunikasi.

Antara universiti tempatan yang menawarkan program tersebut ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UITM).

Berikut merupakan skop pengajian dan syarat-syarat kemasukan am kursus tersebut:

Skop Kursus

- Etika kejuruteraan
- Pengurusan projek
- Ekonomi dan perakaunan kejuruteraan
- Undang-undang kejuruteraan

- Asas kalkulus kejuruteraan
- Asas algebra kejuruteraan
- Analisis vektor
- Fizik dan elektronik
- Analisis litar
- Rangkaian sintesis
- Rekaan digital
- Pemprosesan mikro asas
- Komunikasi digital
- Perkakasan
- Teori elektromagnet
- Sistem kawalan
- Pemprosesan isyarat digital
- Teori dan informasi pengkodan
- Komunikasi data
- Komunikasi mudah alih dan satelit
- Komunikasi optik
- Pemasangan antena

Syarat Kemasukan Am

- Diploma
- STPM
- Matrikulasi

Syarat am universiti

1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan baik.
2. Lulus Bahasa Malaysia pada peringkat SPM
3. Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dengan sekurang-kurangnya:
 - i. NGMP 2.00 (Gred C) dlm mata-pelajaran Pengajian Am; dan
 - ii. NGMP 2.00 (Gred C) dlm (2) mata-pelajaran lain.
4. Telah mengambil *Malaysian University English Test* (MUET)

Memenuhi syarat am universiti serta keperluan khas program.

Sekurang-kurangnya mendapat Gred B (NGMP 3.00) dalam matapelajaran Matematik Tambahan atau Matematik Lanjutan Tambahan dan Fizik pada peringkat STPM.

Kelayakan Minimum Calon Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM/Tahun Asas UTM

Syarat Am Universiti

1. Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan baik;
2. Lulus dengan kemajuan dalam Bahasa Malaysia pada peringkat SPM/setaraf;
3. Lulus Matrikulasi KPM/Asasi Sains UM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00
4. Telah mengambil *Malaysia University English Test* (MUET)

Memenuhi syarat am universiti serta keperluan khas program.

Mendapat PNGK sekurang-kurangnya 3.00 dan sekurang-kurangnya mendapat Gred B dalam matapelajaran Matematik dan Fizik.

